



"TABAH DALAM MENGHADAPI UJIAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ۝¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita sama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk "TABAH DALAM MENGHADAPI UJIAN."</p>	6
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Kehidupan dunia adalah kehidupan yang sementara. Kehidupan yang sebenarnya adalah kehidupan akhirat yang kekal abadi. Hanya keimanan yang sebenar sahaja yang akan menjamin seseorang itu mencapai kebahagiaan dalam kehidupannya di akhirat kelak. Oleh yang demikian, amatlah malang jika ada dalam kalangan umat Islam ini mereka yang sanggup menggadaikan imannya demi memenuhi tuntutan kehidupan duniawinya yang fana ini.</p>	7
<p>Persoalannya, kenapa ada di antara umat Islam yang menggadaikan imannya kerana kehidupan dunia? Jawapannya ialah kerana ada yang tidak tahan dan tidak sabar dalam menanggung ujian kehidupan di dunia. Ini semua berpunca dari ceteknya pengetahuan ilmu agama, kelemahan keimanan, kekurangan amalan soleh dan diri tidak terhias dengan akhlak yang mulia.</p>	8

¹ Al-Furqan : 43.



<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Sebenarnya kehidupan dunia ini adalah ujian bagi setiap muslim. Masing-masing akan menerima ujian Allah SWT samada dalam bentuk ujian ditimpa kesusahan atau dikurniakan dengan ujian kesenangan. Ini bermakna orang yang susah akan diuji dan orang yang senang juga akan diuji.</p>	9
<p>Ujian yang dalam bentuk kesusahan adalah seperti kesakitan, ketakutan, kelaparan, kemiskinan, kehilangan harta, bencana alam atau kematian seseorang yang disayangi. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 155:</p> <p>وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَدَشِيرِ الصَّابِرِينَ ۗ</p>	10
<p><i>“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.”</i></p>	11
<p>Manakala ujian dalam bentuk kesenangan pula seperti harta yang banyak, anak-anak, kedudukan yang mulia, jawatan yang tinggi, perniagaan yang semakin maju dan seumpamanya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Anfal ayat 28:</p> <p>وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ</p>	12
<p><i>“Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.</i></p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	13
<p>Pelbagai ujian yang diberikan oleh Allah SWT ini kepada kita hanyalah untuk mengetahui siapa yang ikhlas, siapa yang bersabar, siapa pula yang berbohong dan siapa yang selalu berkeluh kesah. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ankabut ayat 2-3:</p> <p>أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ۗ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ۗ</p>	14





<p><i>“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta.</i></p>	15
<p>Insiden serangan dan kejadian tembakan kepada jemaah yang berlaku di Masjid al-Nour dan Masjid Linwood, New Zealand baru-baru ini yang mengorbankan 50 mangsa dan mencederakan ramai yang lain, individu-individu tidak bersalah ketika sedang beribadat amat menyedihkan kita semua. Bahkan sehingga hari ini insiden tragis tersebut masih lagi menjadi bualan ramai. Sesungguhnya ini merupakan ujian hebat buat umat Islam khususnya dan apa yang pasti setiap yang berlaku itu mempunyai hikmah yang tersendiri.</p>	16
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Bagi mereka yang ikhlas dan sabar, ujian kesusahan yang datang akan dihadapinya dengan penuh ketabahan dan keredhaan kerana memahami bahawa adanya hikmah disebalik ujian tersebut. Mereka berkeyakinan bahawa ujian kesusahan itu akan menghapuskan dosa dan kesalahan lalu. Manakala ujian kesenangan pula mereka akan menerimanya dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT. Ini kerana seorang mukmin yang sejati akan sentiasa menyedari bahawa setiap ujian yang diterima sama ada kesusahan atau kesenangan adalah untuk meningkatkan lagi iman kepada Allah.</p>	17
<p>Adapun orang-orang yang sikapnya suka berbohong dan lemah keimanannya terhadap qadha dan qadar daripada Allah SWT, apabila mereka diberi ujian kesusahan, iman akan digadaikannya. Mereka akan memohon dan merayu kepada manusia atau makhluk lain untuk menghilangkan kesusahan yang dihadapinya. Manakala ujian kesenangan yang dirasainya, mereka menjadi sombong dan angkuh. Ia tidak mahu bersyukur atas kuniaan Allah SWT yang diberikan kepadanya. Bahkan, ia merasa bahawa semua itu adalah sebab kepandaiannya sendiri,</p>	18



<p>sepertimana keangkuhan Qarun terhadap kurniaan Allah yang diabadikan kisahnya dalam surah al-Qasas ayat 78. Allah SWT berfirman:</p> <p>قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِنْدِي ۗ أَوَلَمْ يَعْلَم أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِ مِنَ الْقُرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا ۗ وَلَا يُسْأَلُ عَن ذُنُوبِهِمُ الْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾</p>	19
<p><i>“Qarun menjawab (dengan sombongnya): “Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku”. (Kalaulah Qarun bijak pandai) tidakkah ia mengetahui dan pandai memahami, bahawa Allah telah membinasakan sebelumnya, dari umat-umat yang telah lalu, orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan ? dan (ingatlah) orang-orang yang berdosa (apabila mereka diseksa) tidak lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka, (kerana Allah sedia mengetahuinya).”</i></p>	20
<p>Al-Imam al-Qurthubi Rahimahullah berkata dalam tafsirnya yang bermaksud: “Allah SWT menerangkan dalam ayat-ayat ini bahawa Qarun telah diberi perbendaharaan harta yang amat banyak hingga ia lupa diri, dan semua yang dimilikinya itu ternyata tidak mampu menyelamatkannya dari azab Allah SWT sebagaimana yang telah dialami oleh Fir’aun.”</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	21
<p>Dengan ini, jelaslah bagi kita bahawa siapa pun yang menjalani kehidupan pasti akan menghadapi berbagai-bagai ujian yang akan menduga iman masing-masing. Kadang-kadang iman akan turun dan kadang-kadang iman akan naik. Persoalan yang penting ialah bagaimanakah cara yang dianjurkan oleh Islam bagi memperteguhkan iman kita supaya mampu dan tahan menghadapi apapun dugaan yang mendatang.</p>	22
<p>Banyak cara untuk mempertahankannya. Antaranya ialah dengan <i>zikrullah</i> atau mengingati Allah kerana dengan zikrullah, hati akan menjadi tenteram sehingga memudahkan untuk hati menjadi ikhlas,</p>	23



<p>sabar dan benar keyakinannya kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ra'd ayat 28:</p> <p>الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ</p>  <p><i>"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia."</i></p>	<p>24</p>
<p>Demikian pula, tiada perbuatan yang paling berkesan bagi memelihara iman dari berputus asa dan lemah semangat dengan ujian yang menimpa melainkan bersegera dan bersungguh-sungguh dalam beramal saleh.</p>	<p>25</p>
<p>Hadits Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقَطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا وَيُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا</p>	<p>26</p>
<p><i>"Bersegeralah kamu semua untuk beramal, (kerana akan datang) ujian-ujian ibarat keadaan-keadaan malam yang gelap. (Disebabkan ujian tersebut, adakalanya) seseorang itu beriman pada waktu pagi tetapi menjadi kafir pada waktu petang, dan beriman pada waktu petang tetapi menjadi kafir pada waktu pagi esoknya. (Lalu) Dia menjual agamanya dengan sesuatu dari (kepentingan) dunia ini."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	<p>27</p>
<p>Untuk itu, umat Islam hendaklah sentiasa berusaha menambah ilmu agama, beramal soleh dan berakhlak mulia agar dapat memelihara iman daripada tergadai.</p>	<p>28</p>
<p>Malahan lebih dari itu, peranan doa juga sangat penting dalam menjaga dan menguatkan iman. Antara doa yang diajarkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an yang wajib kita baca 17 kali sehari semalam dalam solat fardhu 5 waktu ialah,</p> <p>أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ</p>  <p><i>"Tunjukilah kami jalan yang lurus!"</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Fatihah: 6)</i></p>	<p>29</p>



<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati perkara-perkara penting berikut supaya menjadi panduan dalam hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Allah menjadikan kita untuk beribadah kepadaNya sahaja.2. Umat Islam hendaklah menjaga dan mempertahankan iman ketika diuji dengan kesenangan atau kesusahan.	30
<ol style="list-style-type: none">3. Umat Islam hendaklah sentiasa ikhlas dan sabar dalam menjalani kehidupan harian.4. Umat Islam hendaklah berdoa agar sentiasa dalam keimanan dan memperolehi kesudahan terbaik dalam hidup ini (<i>husnul khatimah</i>).	31
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>رَبَّنَا لَا تُرْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ</p> <p>الْوَهَّابُ ﴿٨﴾</p>	32
<p><i>"(Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; Sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya."</i></p>	33
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ</p> <p>وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	34
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،</p> <p>فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	35



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.
2	اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ ۚ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ، اَوْصِيكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا.
5	اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ وَاَرْضِ اللّٰهُمَّ عَنْ اَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَاَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ اَجْمَعِيْنَ.
6	اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ. وَاَنْصُرْنَا عَلٰى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.
7	اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى اَنْتَ حَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِّ سُلْطَانَ سَلَاطُوْر،
8	سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تغكو أمير شاه اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرُوا اللَّهَ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15